

PORNO GRAFI



Definisi

* "Porneia"

Perkataan "Porneia" berasal daripada bahasa Greek, yang membawa maksud pelacur, dan menjadi asas kepada istilah "pornografi".

* (Ismail, 2012; Portal Rasmi MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia, 2012).

Pornografi ialah bahan bertulis atau visual yang memupuk keinginan seksual dan bertujuan untuk memberahikan pembaca atau pemerhati. Ia juga dipanggil "porn", "smut" dan "bahan lucah".



* Pornografi dalam Islam

1

Pornografi adalah haram kerana ia boleh merosakkan akhlak dan nilai moral, serta mendorong manusia kepada perbuatan yang tidak bermaruah.

2

Tubuh badan manusia dilihat sebagai amanah daripada Allah SWT, yang perlu dipelihara dan dijaga daripada perkara keji yang boleh memudaratkan diri sendiri serta masyarakat.

3

Islam menekankan bahawa menjaga kesucian diri adalah penting bagi kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

4

Jadi, Islam menuntut umatnya agar menundukkan pandangan daripada perkara yang diharamkan seperti pornografi kerana ia mendorong kepada zina.

Pengharaman Pornografi Dalam al-Quran



An-Nur (24: 30)

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوْا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوْا فُرُوْجَهُمْ ۚ ذٰلِكَ اَزْكٰى
لَهُمْ ۚ اِنَّ اِلٰهَ خَبِيْرٌۢ بِمَا يَصْنَعُوْنَ ۝۳۰

Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah Amat Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang mereka kerjakan.



An-Nur (24: 31)



وَقُلْ لِلْمُؤْمِنٰتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوْجَهُنَّ وَلَا
يُبْدِيْنَ زِينَتَهُنَّ اِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۚ ... ۝۳۱

Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya ...



Fakta Berkaitan Isu Pornografi



Varatharajoo dan Hilwa (2020)

Bahan pornografi kini mudah diakses melalui internet dan dianggarkan sebanyak **12% atau kira-kira 4.2 juta laman web** di seluruh dunia mengandungi kandungan berunsur lucah atau pornografi.



Kajian yang dijalankan pada tahun 2000 menunjukkan bahawa sebanyak **80,000 laman web berunsur pornografi** telah diwujudkan antara tahun 1999 hingga 2000. Selain itu, Malaysia berada di tangga keempat tertinggi dunia dalam statistik penggunaan trafik laman Pornhub.

Sambungan ...

Penglibatan Remaja

Taburan peratusan menunjukkan bahawa penglibatan remaja dalam aktiviti pornografi meningkat seiring dengan usia, iaitu sebanyak **51%** bagi remaja berumur 11 hingga 13 tahun, **66%** bagi yang berumur 14 hingga 15 tahun, dan meningkat kepada **79%** bagi remaja berumur 16 hingga 17 tahun.



Norramazonizni & Haninah, 2016

Kemajuan teknologi memudahkan individu untuk **berkongsi serta menyimpan video, gambar, dan bahan berbentuk pornografi** tanpa mudah dikesan oleh pihak lain, khususnya ibu bapa



The Star, 2017

4.04 juta carian pornografi telah dibuat oleh pengguna Internet Malaysia dari Ogos 2012 hingga ke Januari 2013 bersamaan **673,000 carian setiap bulan atau 22,000 carian setiap hari.**



Faktor-faktor



Kemajuan Teknologi yang Semakin Pesat

- Kemajuan teknologi memudahkan remaja mengakses bahan lucah, menjadikan mereka lebih terdedah kepada pornografi hingga menjejaskan akhlak, perkembangan diri dan mendorong ketagihan.

Kurang Didikan Agama Daripada Ibu Bapa

- Didikan agama dan pendidikan seksual awal daripada ibu bapa penting untuk membentuk akhlak remaja dan mencegah mereka terdedah kepada pornografi.

Pengaruh Rakan Sebaya

- Remaja terdedah dan akhirnya menormalisasikan perbuatan tersebut melalui ajakan, perkongsian bahan dan interaksi berterusan dalam lingkungan pertemanan mereka.


Penggunaan Gajet yang Tidak Terkawal

- Peranan ibu bapa sangat penting dalam memantau penggunaan gajet dengan meneliti kandungan yang dilayari anak-anak agar dapat mencegah mereka daripada terdedah kepada aktiviti pornografi (Al Mazmi et al., 2013).

Rasa Ingin Tahu yang Tinggi

- Rasa ingin tahu remaja boleh membawa kepada penontonan bahan lucah yang akhirnya berkembang menjadi ketagihan dan mendorong perlakuan seksual tidak sihat.

Kesan- kesan



1. Fizikal

- Ketagihan pornografi boleh menjejaskan perkembangan fizikal remaja dengan mendorong mereka meniru hubungan seks pranikah dan tingkah laku seksual yang ditonton.
- Tindakan tersebut bukan sahaja membahayakan diri remaja tetapi juga memberi kesan kepada orang sekeliling dan menyumbang kepada peningkatan kes jenayah seksual.

2. Mental

- Ketagihan pornografi menyebabkan perubahan kimia di otak, khususnya peningkatan dopamine, yang menjurus kepada ketagihan dan keletihan mental.
- Kesannya termasuk gangguan mental jangka panjang, seperti kerap menyendiri, kurang bersosial, dan lemah dalam kemahiran sosial remaja.

3. Rohani

- Terlibat dengan pornografi boleh menggelapkan hati remaja, melemahkan iman, dan menjurus kepada kemerosotan kesihatan rohani.
- Remaja yang tidak menjaga diri daripada maksiat pornografi berisiko jauh daripada rahmat Allah SWT dan melampaui batas yang ditetapkan dalam agama.

4. Akhlak

- Kecanduan pornografi boleh membentuk sikap, nilai, dan perilaku negatif dalam kalangan remaja kerana adegan yang ditonton mempengaruhi cara mereka berfikir dan bertindak terutama terhadap wanita.

Nilai Agama Sebagai Benteng

Takwa

- Takut dan sadar pada perintah dan larangan-Nya.
- Contoh : Menapis aplikasi, segera alihkan perhatian ketika terbuka video lucu

Solat

- Paksa diri sehingga terbiasa dengan solat 5 waktu
- Janji Allah dalam al-Quran : Siapa yang jaga solat, Allah akan jaga dirinya.

Taubat

- Jentik hati dengan rasa bersalah apabila melakukan dosa
- Menyesal, berhenti dan berazam tidak akan mengulangi dosa

S.T.O.P

- S = Stop, berhenti serta merta
- T = Take a Breath, tarik nafas dalam-dalam
- O = Observe, Perhati apa yang sedang berlaku dalam diri
- P = Proceed Mindfully, tukar tindakan

